

20/11/1998

Rayuan Anwar didengar 28 November

KUALA LUMPUR, Khamis - Rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung permohonannya supaya beliau dibenarkan diikat jamin, akan didengar di Mahkamah Rayuan di sini pada 28 November ini.

Mahkamah Tinggi pada 5 Oktober lalu menolak permohonannya sebelum ini.

Peguam Anwar, S N Nair apabila dihubungi mengesahkan tarikh rayuan itu dan berkata Anwar telahpun dimaklumkan mengenai perkara itu. Notis rayuan itu difailkan pada 13 Oktober lalu.

Beliau bagaimanapun akan membuat satu kenyataan rasmi berhubung perkara itu pada 23 November ini, pada hari perbicaraan bekas timbalan perdana menteri itu yang menghadapi empat tuduhan rasuah berhubung salah laku seks.

Anwar, yang dibebaskan daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 14 Oktober setelah ditahan pada 20 September, kini ditahan di Penjara Sungai Buloh setelah tidak dibenarkan diikat jamin.

Anwar yang dihadapkan di Mahkamah Tinggi pada 5 Oktober terhadap 10 tuduhan, masing-masing lima pertuduhan melakukan rasuah dan seks di luar tabii, mengaku tidak bersalah bagi kesemua pertuduhan itu.

Sementara itu, peguam Karpal Singh ketika ditemui pemberita berkata beliau sudah menyerahkan saman kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Malaysia berhubung kes saman Anwar terhadap kedua-duanya bagi mencabar pemecatannya daripada Kabinet pada 2 September lalu.

Karpal Singh yang mewakili Anwar dalam kes samannya itu, berkata beliau menyerahkan saman itu kepada kedua-dua defendan melalui Peguam Negara pada tengah hari, Selasa.

(END)